



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SOALAN LAZIM (FAQ)

**URUSAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SELARAS DENGAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) MULAI 4 MEI 2020**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai yang bertugas secara penggiliran yang hadir ke pejabat perlu mematuhi waktu kerja seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 iaitu Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan?	<p>Bagi tempoh pegawai yang bertugas secara penggiliran yang hadir ke pejabat, pegawai tidak terikat dengan tempoh waktu bekerja sembilan (9) jam sehari dan pegawai dibenarkan pulang selepas selesai tugas pada hari tersebut dengan syarat mendapat kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan. Pegawai hendaklah terus pulang ke rumah dengan kadar segera.</p> <p>Contoh : Pegawai hadir bekerja pada jam 8.00 pagi dan telah selesai tugas pada jam 2.00 petang, pegawai boleh terus pulang dengan syarat telah mendapat kebenaran Ketua Jabatan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
2.	Adakah pegawai boleh menggunakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Bulan Ramadan semasa tempoh PKPB?	Sekiranya pegawai diarahkan untuk bertugas di pejabat, pegawai boleh memohon kelulusan daripada Ketua Jabatan untuk menggunakan WBF Bulan Ramadan dan ianya tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019.
3.	Adakah pegawai yang diarahkan hadir ke pejabat pada tempoh PKPB bagi hari Isnin hingga Jumaat, pegawai tersebut perlu mematuhi etiket pakaian yang telah ditetapkan?	Dalam apa jua keadaan, penjawat awam adalah tertakluk kepada peraturan mengenai etiket pakaian pegawai awam semasa bertugas dalam peraturan 6, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Adakah pegawai yang terkandas di kampung perlu dipanggil balik untuk hadir ke pejabat?	Merujuk kepada perutusan YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2020, semua perjalanan merentas negeri yang dibenarkan untuk tujuan hadir bekerja dan pulang semula ke rumah sendiri setelah terkandas di kampung atau di tempat-tempat lain adalah dibenarkan. Sehubungan itu, jika terdapat keperluan untuk pegawai hadir ke pejabat, Ketua Jabatan boleh untuk mengarahkan pegawai yang terkandas di kampung untuk hadir ke pejabat.
5.	Adakah pegawai perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan bagi melaksanakan urusan peribadi seperti membawa anak ke klinik sepanjang tempoh PKPB?	Pegawai adalah tertakluk kepada Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pegawai yang bekerja di pejabat atau bekerja dari rumah (BDR) perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan bagi tujuan melaksanakan urusan peribadi dalam tempoh waktu bekerja. Kaedah permohonan kelulusan adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan masing-masing tetapi ianya perlu direkodkan.
6.	Adakah pegawai perlu mengemukakan permohonan cuti rehat bagi tarikh-tarikh yang bukan cuti umum untuk menyambut perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri?	Pegawai perlu mengemukakan permohonan cuti rehat bagi tarikh-tarikh selain cuti umum Hari Raya Aidil Fitri kerana pegawai tidak akan melaksanakan tugas yang ditentukan oleh Ketua Jabatan / Penyelia serta menghasilkan output yang dikehendaki berdasarkan <i>deadline</i> yang ditetapkan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7.	Adakah surat kebenaran bertugas ke pejabat masih diperlukan sepanjang tempoh PKPB?	Surat kebenaran bertugas ke pejabat yang telah dikeluarkan bagi tempoh 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020 masih berkuat kuasa. Sekiranya tempoh PKPB ini dilanjutkan, surat kebenaran bertugas akan dikeluarkan bagi tempoh PKPB tersebut.
8.	Bagaimanakah kaedah untuk memohon kelulusan bekerja dari rumah (BDR) daripada Ketua Jabatan?	Kaedah permohonan untuk kelulusan (BDR) adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan masing-masing sama ada melalui emel, <i>WhatsApp</i> , <i>SMS</i> atau lain-lain bentuk komunikasi yang bersesuaian. Semua permohonan yang telah diluluskan hendaklah direkod.
9.	Apakah yang dimaksudkan dengan Ketua Jabatan bagi tujuan permohonan kelulusan bekerja dari rumah (BDR)?	Ketua Jabatan bagi maksud tujuan kelulusan (BDR) adalah merujuk kepada Pengarah Negeri /Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian / Ketua Unit/ Ketua di Peringkat Daerah dan Institusi.
10.	Adakah Borang Tugas Harian bagi pegawai yang bekerja dari rumah (BDR) boleh dibuat secara mingguan?	Ketua Jabatan boleh menetapkan pengisian Borang Tugas Harian sama ada secara harian atau mingguan bergantung kepada kesesuaian tugas yang diberikan.

*Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat melalui Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Pencegahan Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U. (A) 91/2020]

Disediakan Oleh:

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**

Tarikh Kemaskini Terakhir: 3 Mei 2020